

# INTEGRITI DALAM PENGURUSAN PEMBANGUNAN BANDAR MAJLIS PERBANDARAN KOTA BHARU BANDAR RAYA ISLAM (MPKB-BRI) BERDASARKAN PRINSIP KEILMUAN DAN KEPATUHAN

## *INTEGRITY OF DEVELOPMENT MANAGEMENT IN KOTA BAHARU MUNICIPAL COUNCIL ISLAMIC CITY (MPKB-BRI) BASED ON OBEDIANCE AND KNOWLEDGE PRINCIPLES*

Syaidatana Siti Aishah Binti Ab Aziz<sup>1</sup>  
Wan Norhaniza Wan Hasan<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Centre for Islamic Development Management Studies (ISDEV), Universiti Sains Malaysia (USM), Malaysia,  
(E-mail: syaidatana@gmail.com)

<sup>2</sup>Centre for Islamic Development Management Studies (ISDEV), Universiti Sains Malaysia (USM), Malaysia,  
(Email: wanhaniza@usm.my)

### Article history

**Received date** : 1-5-2020  
**Revised date** : 14-5-2020  
**Accepted date** : 11-10-2020  
**Published date** : 12-10-2020

### To cite this document:

Syaidatana Siti Aishah Ab Aziz & Wan Norhaniza Wan Hasan (2020). Integriti dalam pengurusan pembangunan bandar Majlis Perbandaran Kota Bharu, Bandar Raya Islam (MPKB-BRI) berdasarkan prinsip keilmuan dan kepatuhan. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 5(31), 80 - 89.

**Abstrak:** Artikel ini berhasrat meneliti pemeraksanaan integriti di Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam (MPKB-BRI) dalam pengurusan pembangunan bandar yang dilaksanakan oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) tersebut. MPKB-BRI merupakan sebuah PBT yang menekankan aspek keislaman dalam pengurusan pembangunan perbandaran yang dilaksanakan. Dalam sistem pengurusannya, MPKB-BRI menekankan lima prinsip utama yang meliputi prinsip keilmuan, kepatuhan, kebajikan, kebersihan dan kesejahteraan. Berdasarkan lima prinsip tersebut, dua daripadanya berkait rapat dengan usaha memastikan integriti dalam kalangan pekerja MPKB-BRI. Dua prinsip tersebut ialah prinsip keilmuan dan kepatuhan. Persoalannya, bagaimanakah MPKB-BRI sebagai sebuah institusi Islam menggunakan pendekatan prinsip keilmuan dan prinsip kepatuhan dalam memastikan dan memperkasa integriti agensi tersebut? Bagi menjawab persoalan tersebut, pelaksanaan prinsip keilmuan dan prinsip kepatuhan di MPKB-BRI dalam pengurusan integriti dalam kalangan pekerja dianalisis menggunakan kaedah kajian kualitatif berdasarkan sumber sekunder yang terdiri daripada dokumen rasmi MPKB-BRI. Analisis merumuskan bahawa dengan adanya prinsip keilmuan dan kepatuhan, kehidupan menjadi lebih teratur serta bebas daripada desakan yang mendorong kepada pelanggaran ajaran Islam dan tatasusila budaya dalam kalangan staf MPKB-BRI. Seterusnya menyumbang ke arah pelaksanaan dan pemeraksanaan integriti yang lebih jitu.

**Kata Kunci:** Integriti, Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam, Kepatuhan, Keilmuan, Pihak Berkuasa Tempatan.

**Abstract:** *This article intends to examine the empowerment of the integrity in the Kota Bharu Municipal Council Islamic City (MPKB-BRI) in the town development management implemented by the local authority (or locally, PBT). MPKB-BRI is a PBT that emphasises on the Islamic aspect in the town development management implemented. In the management system, MPKB-BRI stresses on five main principles covering the principles of knowledge, obedience, kindness, cleanliness and wellbeing. Based on the five principles, two of them are closely related to the effort in ensuring the integrity of the employees. The two principles are knowledge and obedience principles. The question is, how does MPKB-BRI as an Islamic institution use both the knowledge and obedient principles in ensuring and empowering the agency's integrity? To answer this question, the implementation of both the knowledge and obedience principles in MPKB-BRI in integrity management among employees was analysed using the qualitative method based on the secondary sources comprising of official documents from MPKB-BRI. The analysis concludes that with the knowledge and obedience principles, life will become more systematic and freer from the urges that spur the violation of Islamic teaching and cultural mannerism among the MPKB-BRI staff, and this will further contribute to the implementation and the empowerment of a more formidable integrity.*

**Keyword:** *Integrity, Kota Bharu Municipal Council Islamic City (MPKB-BRI), Obediance, Knowledge, Local Authority*

---

## Pendahuluan

Bandar Kota Bharu telah ditubuhkan pada tahun 1844 dan diisytiharkan sebagai pusat pemerintahan negeri Kelantan oleh ke bawah Duli Yang Mulia Al-Marhum Sultan Muhammad Ke-II. Pada tahun 1936, bandar Kota Bharu dinaik tarafkan sebagai Majlis Bandaran Kota Bharu (MBKB). Kemudian, MBKB ditukarkan kepada Lembaga Bandaran pada tahun 1971. Pada 1 Oktober 2005, majlis perisytiharan Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam telah dilakukan oleh Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Al-Sultan Kelantan.

Pada masa ini, MPKB-BRI merupakan pihak berkuasa tempatan yang diberi tanggungjawab bagi menguruskan bandar Kota Bharu. MPKB-BRI berhasrat untuk menjadikan bandar Kota Bharu sebagai taraf bandar raya sepenuhnya pada tahun 2023 (MPKB-BRI, 2020). Dalam hasrat mencapai bandar raya Islam, MPKB-BRI mempertingkatkan kualiti perkhidmatan yang disediakan dengan pelbagai usaha ke arah memperkukuhkan prestasi dan produktiviti kerja bagi memenuhi kehendak rakyat. Walau bagaimanapun, kes-kes yang bertentangan dengan syariat Islam seperti tidak amanah, ketirisan, melanggar etika dan mendedahkan rahsia perlu diambil perhatian agar dapat dihindari di Kelantan sesuai dengan dasarnya iaitu Membangun Bersama Islam. Bagi merealisasikan matlamat ini, MPKB-BRI mengetengahkan Prinsip 5K yang terdiri daripada prinsip keilmuan, kepatuhan, kebajikan, kebersihan dan kesejahteraan.

Dua daripada lima prinsip tersebut berkait rapat dengan aspek integriti. Justeru, bagi artikel ini, hanya prinsip keilmuan dan prinsip kepatuhan dibincangkan dalam usaha MPKB-BRI memperkemas pembangunan pengurusan ke arah mencapai tahap kualiti perkhidmatan yang diinginkan. Berdasarkan pelaksanaan prinsip keilmuan dan prinsip kepatuhan, nilai integriti dapat dizahirkan terhadap para pekerja. Pelaksanaan pembangunan pengurusan amat penting kerana pekerja yang baik mempunyai nilai integriti yang tinggi.

Artikel ini melihat kepada tiga perkara utama iaitu prinsip keilmuan dalam pembangunan pengurusan Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam (MPKB-BRI), prinsip keilmuan dalam pembangunan pengurusan (MPKB-BRI) dan nilai integriti dalam pembangunan pengurusan MPKB-BRI. Prinsip kepatuhan yang dilaksanakan oleh MPKB-BRI bertujuan memberi kesedaran kepada masyarakat agar mematuhi segala peraturan yang telah ditetapkan. Hasil ketegasan dalam melaksanakan prinsip kepatuhan dan prinsip keilmuan dalam semua aspek pembangunan bandar dapat menggalakkan para pekerja mengamalkan sikap yang bertanggungjawab, berdisiplin dan meninggalkan kemungkaran. Perkara yang utama dalam pelaksanaan prinsip kepatuhan ialah patuh dengan ajaran Islam. Sekiranya masyarakat patuh dengan suruhan Allah SWT, pekerjaan dan segala perbuatannya akan sentiasa mengikut landasan Islam. Dalam prinsip keilmuan pula, pelbagai program keilmuan dijalankan bagi meningkatkan tahap kesedaran dan kualiti kerja oleh pihak pengurusan. Kedua-dua prinsip ini telah diterapkan dalam pembangunan pengurusan MPKB-BRI yang memfokuskan kepada penghayatan iman dan takwa dalam pengurusan dan pentadbiran majlis.

### **Latar Belakang Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam (MPKB-BRI)**

Bandar Kota Bharu telah ditubuhkan pada tahun 1844 dan diisytiharkan sebagai pusat pemerintahan Negeri Kelantan oleh ke bawah Duli Yang Mulia Al-Marhum Sultan Muhammad Ke-II. Pada tahun 1936, bandar Kota Bharu dinaik tarafkan sebagai Majlis Bandaran Kota Bharu (MBKB). MBKB telah dimansuhkan dan ditukarkan kepada Lembaga Bandaran pada tahun 1971. Pada 1 Oktober 2005, Majlis Perisytiharan Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam oleh Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Al-Sultan Kelantan.

MPKB-BRI mempunyai enam objektif. Pertama, memperkemaskan bahagian pentadbiran agar dapat melaksanakan segala tindakan berasaskan perancangan secara teratur dan tersusun. Kedua, memperkukuhkan kewangan majlis dengan mempertingkatkan pungutan hasil dan mengenal pasti punca-punca hasil baru. Ketiga, mempertingkatkan perkhidmatan perbandaran dengan memberi penekanan kepada aspek kebersihan dan keindahan bandar. Keempat, memperbanyakkan program pembangunan insan bagi melahirkan masyarakat bandar yang berwibawa seterusnya menyumbang ke arah pembangunan fizikal dan rohani. Kelima, mengutamakan dan menggalakkan penglibatan masyarakat dalam aktiviti dan program pembangunan majlis. Akhir sekali, mempertingkatkan langkah-langkah pembasmian aktiviti maksiat dan kemungkaran dalam kawasan majlis (Portal MPKB-BRI, 2016).

Visi MPKB-BRI untuk menjadi sebuah organisasi yang unggul dalam membangun dan memajukan bandar Kota Bharu sebagai sebuah bandar raya Islam yang bersih, indah dan berdikari berteraskan dasar Membangun Bersama Islam. Selaras dengan hasrat kerajaan memperkasakan perkhidmatan awam bertaraf dunia dengan menyediakan perkhidmatan yang proaktif, responsif, mengikut kehendak pelanggan dan mematuhi syariat Islam maka MPKB-BRI telah menyahut cabaran melalui visinya iaitu menjadikan Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam (MPKB-BRI) mencapai pendapatan RM 100 juta dan seterusnya mencapai status sebagai bandar raya (Portal MPKB-BRI, 2016).

Misi MPKB-BRI pula ialah membawa kemakmuran dan kesejahteraan hidup kepada masyarakat bandar serta mempertingkatkan kemajuan sosio-ekonomi bandar Kota Bharu khasnya dan negeri Kelantan amnya. Dalam merealisasikan visi dan misi, MPKB-BRI ingin memastikan Kota Bharu dibangunkan dengan cekap dan berkesan melalui pembangunan bandar kondusif, kemudahan infrastruktur lengkap dan berkualiti tinggi, pembangunan

masyarakat bandar Kota Bharu proaktif dan cemerlang, pengekal dan pemuliharaan persekitaran lestari serta sistem pentadbiran terbaik, berintegriti dan berhemah (Portal MPKB-BRI, 2016).

### **Prinsip Kepatuhan Dalam Pembangunan Pengurusan Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam (MPKB-BRI)**

Dari segi prinsip kepatuhan, MPKB-BRI ingin mewujudkan masyarakat yang patuh dan berdisiplin bersesuaian dengan kehendak serta tuntutan agama Islam. Sifat-sifat ini diterapkan dalam kalangan pentadbir. Prinsip kepatuhan penting kerana dengan adanya kepatuhan, gaya hidup masyarakat lebih teratur tanpa berlakunya pelanggaran terhadap tingkah laku dan adab yang kurang sopan. Tujuan prinsip kepatuhan dilaksanakan oleh MPKB-BRI ialah menerapkan sifat-sifat yang patuh dan undang-undang bersesuaian dengan kehendak dan agama Islam dalam kalangan pentadbir khususnya dan masyarakat amnya (MPKB-BRI, 2016).

Dalam prinsip kepatuhan, terdapat tiga skop utama yang ditekankan. Pertama, mewujudkan sifat kepatuhan dalam setiap individu agar menjadi seorang yang berdisiplin dan patuh berpandukan kepada ajaran Islam dan undang-undang. Kedua, merangka dan menjalankan program dan kempen-kempen bagi mewujudkan kesedaran pentingnya kepatuhan dalam pembentukan sebuah bandar raya yang mencerminkan keindahan nilai-nilai Islam. Ketiga, memperkasakan penguatkuasaan ke atas undang-undang (MPKB-BRI, 2016).

MPKB-BRI telah mengadakan program pembangunan insan dengan memberi tugas kepada jabatan pembangunan Islam untuk memanggil kakitangan yang tidak menutup aurat dengan sempurna dan memberi nasihat serta mengangkat kepada panel penasihat sekiranya masih ingkar. Bagi ketua jabatan, mereka perlu memastikan warga kerja sentiasa beruniform dengan lengkap dan mengangkat kepada panel penasihat jika masih ingkar. Selain itu, bagi memantapkan lagi aspek kerohanian, pihak MPKB-BRI telah mengadakan program kem solat secara bermodul di bawah program pemantapan solat. Antara langkah lain yang dilaksanakan oleh MPKB-BRI ialah dengan merekodkan laporan salah laku kakitangan dan dikemukakan semasa mesyuarat. Pihak MPKB-BRI turut mempunyai perintah tetap bagi mematuhi kod etika dan kelakuan. MPKB-BRI turut melantik seorang kaunselor bagi menangani warga kerja yang bermasalah (MPKB-BRI, 2016).

### **Prinsip Keilmuan Dalam Pembangunan Pengurusan Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam (MPKB-BRI)**

Prinsip keilmuan yang dilaksanakan oleh MPKB-BRI bertujuan mewujudkan masyarakat yang berilmu sebagai tonggak kejayaan. Dalam prinsip keilmuan, terdapat tiga skop yang diutamakan. Pertama, meningkatkan pendidikan formal dalam kalangan warga kota di bawah kelolaan kerajaan negeri dan swasta. Kedua, merangka program-program bina insan berbentuk kesedaran, kemahiran dan jati diri bagi meningkatkan pengetahuan dan keterampilan. Ketiga, menyediakan kemudahan infrastruktur yang bersesuaian dengan keperluan mengadakan program-program keilmuan (MPKB-BRI, 2016).

Penekanan terhadap prinsip keilmuan bagi pembangunan pengurusan dilaksanakan dengan membudayakan amalan baik di pelbagai kaunter. Pihak MPKB-BRI telah menjalankan kajian kepuasan pelanggan mengenai perkhidmatan berdasarkan kriteria seperti mengucapkan salam, senyum, bahasa yang sopan dan layanan mesra terhadap pelanggan. Dalam pembangunan pengurusan, pihak MPKB-BRI turut melaksanakan pelbagai program bagi meningkatkan

prestasi kerja di bahagian pengurusan. Program berbentuk keilmuan tersebut seperti tazkirah, usrah, kuliah agama, kem kecemerlangan solat, kem kecemerlangan sahsiah, kursus dan bengkel (MPKB-BRI, 2016). Dengan adanya program tersebut, kakitangan MPKB-BRI diberi pendedahan yang baik berkaitan bidang tugas masing-masing. Program yang dilaksanakan membolehkan para kakitangan MPKB-BRI dapat memberikan contoh yang baik dengan melakukan tugas secara amanah dan adil.

Berdasarkan prinsip kepatuhan dan prinsip keilmuan yang dilaksanakan, pihak MPKB-BRI dilihat amat menitik beratkan aspek integriti dan kualiti para pekerja. Pelbagai program yang dilaksanakan dalam meningkatkan kesedaran kepada para pekerja. Oleh itu, maksud integriti dalam Islam turut dibincangkan bagi mengetengahkan kepentingannya dalam budaya kerja Islam.

### **Integriti Dalam Islam**

Integriti terbahagi kepada dua iaitu kepada individu dan organisasi. Integriti merangkumi nilai-nilai kualiti utama yang merujuk kepada prinsip kejujuran dan berakhlak mulia yang ada dalam diri individu (Nor Shaidayani Samah & Abd hafar Don, 2020). Di peringkat individu, integriti merupakan keselarasan di antara tindakan dengan prinsip moral, etika dan undang-undang serta keselarasan di antara kepentingan diri dengan kepentingan umum. Di peringkat organisasi, integriti telah termaktub dalam pelaksanaan kod etika, piagam pelanggan atau sistem dan proses kerja serta pematuhan kepada amalan terbaik (Megat Ayop Megat Arifin & Abd. Halim Ahmad, 2016). Integriti juga merupakan mekanisme piawai kejayaan dan kegagalan dalam mencapai matlamat dan objektif sesebuah organisasi kepimpinan Islam (Nor Shaidayani Samah & Abd Gafar Don, 2020).

Menurut Nor Akrimi Mohd Ali & Anuar Puteh (2017), integriti bermaksud memilih melakukan perkara yang benar. Berintegriti penting bagi mengelakkan individu itu daripada bersifat munafik seperti khianat, dusta serta tidak menyempurnakan janji. Integriti juga merujuk tingkah laku, perkara yang seseorang lakukan serta kaedah yang digunakan bagi mencapai tujuan. Semua perkara tersebut perlu dilakukan berdasarkan ajaran agama serta memenuhi undang-undang (Megat Ayop Megat Arifin & Abd. Halim Ahmad (2016). Sebagaimana umat Islam disuruh melakukan kebaikan serta meninggalkan larangan dan kekufuran. Bahkan perlu menghayati dan mengamalkan kehidupan berintegriti dalam konteks negara, organisasi malah untuk individu (Ros Yati Saberon, 2013). Sekiranya seseorang dapat meneguhkan konsep integriti dalam dirinya sendiri, beberapa nilai dapat diperoleh seperti kebenaran, keikhlasan, keadilan, ukhwah dan mujahadah akan menjadi sebahagian daripada kehidupannya (Dimas Bagus Wiranata Kusuma, Thaer Faisal Abdelrahim Qushtom & Nur Jamaluddin, 2013).

Pengukuhan nilai integriti dapat melahirkan pekerja berintegriti tinggi di dalam organisasi. Integriti yang tinggi dalam kalangan pekerja membolehkan mereka mencapai kecemerlangan diri dengan mempunyai kualiti yang tinggi sama ada dalam aspek fizikal, psikososial mahupun intelek (Jamiah Manap, Azimi Hamzah, Ezhar Tamam, Sidek Mohd. Noah, Amini Amir Abdullah, Nurizan Yahya, Halimah Alma Othman & Hanina Halimatusaadia Hamsan, 2005). Dalam al-Qur'an terdapat perintah dan suruhan agar melaksanakan amanah, keadilan dan nilai-nilai luhur yang terkandung dalam takrifan integriti (Othman Mustapha, 2012). Antara dalil al-Qur'an yang membicarakan berkaitan sifat amanah dan jujur adalah seperti berikut, seperti dalam surah al-Anfaal ayat 27 Allah SWT berfirman yang bermaksud;

Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati (amanah) Allah dan Rasul-Nya dan janganlah kamu mengkhianati amanah-amanah kamu, sedang kamu mengetahuinya (salahnya).

Menurut Ibn Katsir (2001), amanah merupakan amal perbuatan yang diamanah oleh Allah SWT kepada hambaNya dan ditegah mengkhianati amanah tersebut. Individu yang mengabaikan amanah bererti telah mengkhianati amanah tersebut. Seseorang individu perlu memikul amanah dengan jujur, sabar, berkorban dan tidak mementingkan diri sendiri (Sayyid Qutb, 2005).

### **Nilai Integriti Dalam Pembangunan Pengurusan MPKB-BRI**

Bagi mencapai matlamat pembangunan 5K, sebanyak enam garis panduan dasar telah dijadikan teras utama MPKB-BRI. Pertama, menegakkan dan mengamalkan syariat Islam dalam semua aspek pengurusan dan pentadbiran. Kedua, mengenyahkan sikap kebendaan dan kepentingan diri. Ketiga, mengamalkan etika kerja Islam. Keempat, menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat kepada seluruh kakitangan. Kelima, mengenyahkan kakitangan yang berdedikasi. Keenam, mengutamakan keadilan dalam setiap urusan (Suhana Saad & Marsitah Mohd Radzi, 2009).

Pada peringkat negeri Kelantan pula, kerajaan negeri telah menjadikan konsep UMI iaitu *ubudiyah*<sup>1</sup>, *mas'uliyah*<sup>2</sup> dan *itqan*<sup>3</sup> sebagai tonggak perkhidmatan awam negeri. Selaras dengan matlamat dan hasrat kerajaan Kelantan, pihak MPKB-BRI turut menekankan konsep tersebut dalam pembangunan pengurusan. Ketiga-tiga prinsip ini telah menjadi asas pentadbiran dalam kerajaan negeri Kelantan sehingga sekarang (Portal Rasmi Kerajaan Negeri Kelantan, 2016). Dalam usaha memastikan petugas di MPKB-BRI bebas rasuah, pihak terbabit turut bekerjasama dengan Suruhanya Pencegahan Rasuah Malaysia Kelantan dengan menyertai Ikrar Bebas Rasuah (IBR) (Rosalwani Che Soh, 2017). Sebelum ini terdapat kajian yang telah dilakukan untuk mengenal pasti persepsi kakitangan MPKB-BRI terhadap kefahaman mereka mengenai integriti dan rasuah. Meskipun dapatan kajian menunjukkan bahawa sejumlah kakitangan MPKB-BRI memahami konsep *ubudiyah*, *mas'uliyah* dan *itqan* tetapi masih ada yang kurang memahami konsep amanah dan integriti apabila dikaitkan dengan rasuah (Nurhafilah Musa, 2014).

Hasil kajian keberkesanan program keislaman yang dijalankan oleh MPKB-BRI dari tahun 1990-2000 sebelum ini yang dilakukan oleh Shukeri Mohamad, Mohamad Azrien Mohamed Adnan dan Syed Abdurahman Syed Husin (2011) ke atas kakitangan MPKB-BRI mendapati bahawa kebanyakan informan mengatakan bahawa langkah-langkah yang dijalankan adalah wajar. Program tersebut turut memberi kesan positif kepada kakitangan MPKB-BRI. Walau

---

<sup>1</sup> *Ubudiyah* bermaksud manusia sebagai hamba Allah SWT yang diciptakan untuk beribadat kepada-Nya. *Ubudiyah* memberi kesan kepada sifat diri, tujuan hidup dan juga cara menjalani kehidupan yang lahir daripada iman dan aqidah yang jelas (Portal Rasmi Kerajaan Negeri Kelantan, 2016).

<sup>2</sup> *Mas'uliyah* bermaksud kebertanggungjawaban (akuntabiliti) dalam segala kerja yang dilakukan di dunia dan akan dipersoalkan oleh Allah SWT di hari pengadilan kelak. Merupakan proses khalifah yang memikul amanah bagi memakmurkan bumi Allah melalui amanah yang berlandaskan syariat (Portal Rasmi Kerajaan Negeri Kelantan, 2016).

<sup>3</sup> *Itqan* merupakan kualiti kerja yang boleh diterjemahkan sebagai ketekunan, komitmen dan kesungguhan kerja dalam membentuk peribadi yang berakhlak dan bermoral serta modal insan yang cemerlang dalam melaksanakan tugas (Portal Rasmi Kerajaan Negeri Kelantan, 2016).

bagaimanapun, ada sebahagian kecil kakitangan MPKB-BRI yang tidak mengetahui kewujudan program-program ini. MPKB-BRI giat mengadakan bengkel kepada seluruh kakitangan bagi memberi pendedahan khusus berkaitan falsafah *ubudiyah*, *mas'uliyah* dan *itqan*.

Konsep kerja sebagai ibadah atau '*ubudiyah* seharusnya sehati dengan penjawat awam. '*Ubudiyah* dapat mengelakkan masalah sosial dan pelanggaran etika kerja dalam organisasi. Pekerja yang taat kepada Allah SWT akan menjauhi perkara yang dilarang dan dibenci Allah SWT seperti tidak amanah, curi tulang dan menerima rasuah (Nor Akrami Mohd Ali, 2015). Konsep integriti misalnya bukan hanya bagi mematuhi nilai-nilai murni daripada falsafah barat, namun diukur daripada prinsip *mas'uliyah* yang melibatkan tanggungjawab di akhirat nanti. Bagi usaha meningkatkan kecekapan, kualiti kerja dan produktiviti, prinsip *itqan* dijadikan asas utama yang merangkumi segenap aspek kecemerlangan di dunia dan akhirat (Mohd Asri Mat Daud, 2017). Pengurusan sesebuah organisasi yang baik dengan penghayatan nilai-nilai murni adalah penting dalam pelaksanaan penyampaian perkhidmatan pelanggan. Nilai-nilai murni merupakan satu aspek yang perlu diterapkan kepada semua warga kerja terutama pihak MPKB-BRI.

Situasi ini sesuai dengan matlamat utama pembangunan insan sebenarnya untuk melahirkan masyarakat yang bersifat *khairu ummah* yang bererti membangun masyarakat yang tinggi nilai akhlak, kaya dengan budi, sihat akal fikirannya dan mampu menilai antara perlakuan keperibadian dan sebaliknya (Ab Aziz Yusof & Mutiara Dwi Sari, 2017). Pegangan yang kuat terhadap agama dapat melahirkan insan yang cemerlang daripada pandangan Allah SWT. (Ahmad Redzuwan Mohd. Yunus, 2003). Dalam konteks pembudayaan nilai murni daripada perspektif Islam, amalan nilai murni menggambarkan masyarakat beradab dan menjunjung tinggi nilai-nilai kemanusiaan yang maju dalam penguasaan ilmu pengetahuan. Islam menganjurkan umatnya supaya berakhlak dan berbudi pekerti mulia dalam setiap perbuatan dan tutur kata (Zakaria, Noranizah & Abdul Fatah, 2012). Seterusnya integriti penting dalam memperkukuhkan nilai kepercayaan perkhidmatan yang berkaitan langsung dengan urusan masyarakat awam (Kamarudin Musa, Nirizam Saad & Mohd Asri Mohd Noor, 2018). Sekiranya nilai-nilai murni ini diterapkan dalam kehidupan masyarakat, usaha ke arah mencapai integriti dalam kalangan pentadbir akan berjaya.

Pelbagai program berbentuk dakwah boleh disebarkan terutamanya tentang kefahaman Islam bagi mengurangkan gejala sosial dan meningkatkan kualiti diri dalam pekerjaan. Berdasarkan program dan usaha yang dilakukan oleh pihak MPKB-BRI berdasarkan prinsip keilmuan dan kepatuhan, didapati sedikit sebanyak dapat memenuhi matlamat konsep UMI yang dibawa oleh kerajaan negeri. Perkara yang bercanggah dengan syariat Islam telah diberi peringatan agar di elakkan di Kelantan sesuai dengan negeri yang membangun bersama Islam (Mohd Asri Mat Daud, 2018). Dakwah yang berkesan mampu membimbing masyarakat melaksanakan ajaran Islam sepenuhnya dalam kehidupan harian. Nilai-nilai murni itu perlu dizahirkan dalam bentuk moral atau akhlak seseorang individu. Masyarakat bandar yang mempunyai akhlak yang baik secara tidak langsung dapat melahirkan pekerja yang berintegriti.

## Rumusan

Prinsip keilmuan dan prinsip kepatuhan yang dilaksanakan oleh MPKB-BRI dalam pembangunan pengurusan dilihat dapat membentuk warga kerja yang berilmu, berdisiplin dan amanah. Aspek keinsanan dan nilai murni merupakan aspek yang penting dalam pembentukan nilai integriti. Aspek ini perlu diberikan tumpuan dan tidak boleh diketepikan begitu sahaja. Penerapan nilai-nilai murni dalam pembangunan pengurusan di MPKB-BRI boleh meningkatkan nilai integriti dalam kalangan pekerja. Individu yang berintegriti merupakan individu yang bermoral dan patuh dengan segala peraturan. Secara tidak langsung, pekerja yang berintegriti dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik dan mengikut landasan Islam yang telah ditetapkan. Oleh itu, usaha yang dilakukan oleh MPKB-BRI dalam meningkatkan integriti pekerja dilihat dapat mendidik individu menjalani kehidupan yang bebas daripada perilaku yang tidak diingini.

## Rujukan

- Ab Aziz Y. & Mutiara Dwi Sari. (2017). Pembangunan Modal Insan Daripada Perspektif Islam: Impak Kepada Pengurus. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, Volume 2 (1). Dipetik daripada <https://www.researchgate.net/publication/316787673>. [Accessed at: 25 July 2019].
- Abdul Aziz R., Abdul Razaq A., Jalaluddin A. M. & Mohd Mahzan A. (2016). Penglibatan Sosial dan Pembudayaan Nilai Murni Melalui Pembelajaran Tidak Formal Dalam Kalangan Penduduk Bandar Putrajaya. *Kajian Malaysia*. Volume: 34(2). Dipetik daripada <http://dx.doi.org/10.21315/km.2016.34.2.4>. [Accessed at: 25 July 2019].
- Ahmad Redzuwan M. Y. (2003). *Gejala sosial dalam masyarakat Islam: Punca dan penyelesaian*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd. Dipetik daripada <https://books.google.com.my/books>. [Accessed at: 5 July 2019].
- Azrin I. (2015). Kepentingan Hisbah dan Amalannya di Malaysia. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*. Volume: 11. Dipetik daripada <https://journal.unisza.edu.my/jimk/index.php/jimk/article/view/135/102>. [Accessed at: 25 July 2019].
- Bahagian Perhubungan Awam, Majlis Perbandaran Kota Bharu, Bandar Raya Islam (MPKB-BRI). (2017). *Kelantan Sejahtera Untuk Islam, Kota Bharu Bandar Raya Islam, siri 14*. Kota Bharu, Kelantan: Bahagian Perhubungan Awam, Majlis Perbandaran Kota Bharu, Bandar Raya Islam (MPKB-BRI).
- Bahagian Seketariat Bandar Islam, (MPKB-BRI). (2016). *Laporan Penilaian Pencapaian 10 Tahun (2006-2015) pelaksanaan bandar raya Islam (MPKB-BRI)*. Kota Bharu: Bahagian Seketariat Bandar Islam, (MPKB-BRI).
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). (2017). Buletin Integriti Edisi Khas Kementerian Luar Negeri. *Integriti di dalam Islam*. Dipetik daripada <http://mw.kln.gov.my/c/documentlibrary/>. [Accessed at: 9 July 2019].
- Dimas Bagus Wiranata Kusuma, Thaer Faisal Abdelrahim Qushtom & Nur Jamaluddin. (2013). How Does Islamic Worldview Building Integrity di Asean Seminar & Conference "Educating Asean Societies for Integrity" *The Role of Educators and Students in Building Integrity*. Dipetik daripada <https://www.academia.edu/5792699/HowDoesIslamicWorldviewBuildIntegrity>. [Accessed at: 28 July 2019].
- Harakah Daily. (10 Januari 2020). MPKB-BRI Bandar Raya Penuh 3 Tahun Lagi. Portal Rasmi MPKB-BRI. Dipetik daripada <https://harakahdaily.net/index.php/2020/01/10/>. [Accessed at 20 January 2020].
- Ibn Katsir (Abdullah Muhammad Ishaq Alu Syaikh). (2017). *Tafsir Ibn Katsir*. Volume: 4. (M. Abdul Ghoffar, Terj.). Indonesia: Pustaka Imam Asy-Syafie'i.



- Kamarudin M., Norizam S. & Mohd Asri M. N. (2018). Tingkah Laku Integriti Dalam Pemantapan Pengurusan Sector Perkhidmatan Awam. *Management Research Journal*. Volume 8(1).
- Nik Suhaida N.A.M. (2014). *Pelaksanaan Kawalan Penjualan Arak Di Negeri Kelantan: Kajian Dari Aspek Metode Dakwah Kepada Orang Bukan Islam* (Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan). Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Nor Shaidayani S. & Abd Gafar D. (2020). Faktor Regresif dan Defensive Integrity Dlam Kepimpinan Islam. *BITARA International Journal of Civilization Studies and Human Sciences*. Volume: 3(3).
- Ros Yati S. (2015). Pengamalan Integriti Dalam Mencari Keredhaan-Nya. *Fine Portal Universiti Teknologi Mara (UiTM)*. Dipetik daripada <https://myfinancial.uitm.edu.my/new/index.php/staf-uitm/136-artikel/450>. [Accessed at: 9 July 2019].
- Nor Akrimi M.A, Anuar P. (2017). Penghayatan Ihsan Sebagai Medium Pengukuhan Budaya Kerja Berintegriti. *Fikiran Masyarakat*. Volume: 5(3).
- Jamiah M., Azimi H., Ezhar T., Sidek M.N., Amini A.A., Norizan Y., Halimah Alma O. & Hanina Halimatus Saadiah H. 2005. Pemantapan Nilai Integriti Individu Sebagai Teras Pembangunan Staf Berkualiti, Prosiding Seminar Kebangsaan Sumber Manusia, anjuran Universiti Teknologi Malaysia. 2- 3 Februari 2005. Hotel Sifitel, Senai, Johor Bahru. Dipetik daripada <http://jurnalakademik.blogspot.com/2006/09/pemantapan-nilai-integriti-individu.html>. [Accessed at: 25 July 2019].
- Megat Ayop M.A. & Abd. Halim A. (2016). Kepentingan Budaya Integriti dan Etika Kerja Dalam Organisasi di Malaysia: Suatu tinjauan umum. *Malaysian Journal of Society and Space*. Volume: 12(9).
- Mohd Asri M.Daud. (September, 2018). Qiadah Edisi ke-17, Majalah Korporat Perbadanan Menteri Besar Kelantan. *Pengukuhan 3K (Keberkatan, Kemakmuran dan Kebajikan) Era Menteri Besar*. Kota Bharu: Perbadanan Menteri Besar Kelantan.
- Mohd Azhar A. & Raihanah. (2010). *Peruntukan Undang-Undang Mengenai Aurat Dan Pakaian Sopan Menurut Bidangkuasa Majlis Perbandaran Kota Bharu- Bandaraya Islam: Satu huraian*. *Jurnal Syariah*. Volume: 18(2).
- Nurhafilah M. (2014). Penerapan Konsep Ma'uliyah dan Amanah Dalam Pentadbiran Awam ke Arah Bersih Rasuah: Kajian di Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam (MPKB-BRI). *Jurnal Keputeraan*. Volume: 3. Dipetik daripada <http://jurnal.keputeraan.jaheaik.gov.my/wp-content/uploads/2017/11/5-amanah-dalam-pentadbiran.pdf>. [Accessed at: 30 July 2019]
- Rosalwani C.S. (2017). MPKB-BRI Mahu Tangani Rasuah Hingga ke Akar Umbi. *Sinar Harian*. Dipetik daripada <http://www.sinarharian.com.my/edisi/kelantan/>. [Accessed at: 6 Ogos 2019].
- Sayyid Qutub. (2000). *Tafsir Fi Zilal Qur'an: Di Bawah Bayangan Al-Qur'an*. Volume: 7. (Yusoff Zaky Yacob, Terj.). Kelantan: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.
- Shukeri M., Mohamad Azrien M.A. & Syed Abdulrahman S.H. (2011). Keberkesanan Program Keislaman Yang Dijalankan Oleh Majlis Perbadaran Kota Bharu (MPKB) dari tahun 1990 hingga tahun 2000: Kajian di kalangan kakitangan MPKB. *Al-Basirah*. Volume: 1(1).
- Suzie M.N., Nor Suhaiza M.K. & Zarina M.Z. (2018). Peranan Undang-Undang Kecil Dalam Membentuk Keperibadian Masyarakat. *E-prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan PASAK3*. Dipetik daripada [conference.kuis.edu.my/pasak3/images/PASAK3\\_1115](http://conference.kuis.edu.my/pasak3/images/PASAK3_1115). [Accessed at: 27 July 2019].

- Othman M. (2012). Pengukuhan Integriti Perkhidmatan Awam: Pendekatan Melalui Nilai-Nilai Murni. *Jurnal Pengurusan Awam*, 7-16. Dipetik daripada [http://www.myjournal.my/filebank/published\\_article/25882/Article2.PDF](http://www.myjournal.my/filebank/published_article/25882/Article2.PDF). [Accessed at: 31 July 2019].
- Zakaria S., Noranizah Y. & Abdul Fatah S. (2012). Islam Asas Pembentukan Jati Diri Bangsa Melayu-Muslim. *Jurnal Hadhari Special Edition*. Dipetik daripada [www.ukm.my/jhadhari](http://www.ukm.my/jhadhari). [Accessed at: 27 July 2019].